

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID

TARIKH : 19 NOV 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan **pendekatan** yang lebih progresif dilakukan bagi **mengembalikan semula kegemilangan industri koko** yang kini berhadapan dengan masalah kekurangan pengeluaran biji koko.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan industri koko pada ketika ini adalah tertumpu kepada industri pengisaran biji koko dan sektor huluan khususnya dalam menghasilkan '*single origin*' koko.

Bagi memastikan sektor huluan terus kekal berdaya saing, beberapa pendekatan telah dirangka dan sedang dilaksanakan melalui pelaksanaan program-program pembangunan seperti berikut:-

(i) melaksanakan Program Peningkatan Produktiviti dengan memberikan insentif input pertanian seperti baja dan racun serta khidmat nasihat dan kursus pemindahan teknologi untuk menggalakkan pekebun untuk terus menyelenggara dan melibatkan diri dalam penanaman koko dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan

SOALAN NO : 4

produktiviti pengeluaran biji koko kering yang berkualiti di kalangan peserta program;

(ii) melaksanakan Program Pembangunan Kluster Koko untuk menambah nilai rantai pengeluaran koko seterusnya meningkat pendapatan pekebun koko. Program ini merupakan program di bawah RMKe-11 berkonsepkan *Farm To Table*, di mana segala aktiviti berasaskan koko dilaksanakan di tapak kluster koko bermula daripada peringkat nurseri koko hinggalah kepada penghasilan produk akhir iaitu coklat yang melibatkan pekebun koko dan komuniti sekitar kluster koko; dan

(iii) menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menambah daya saing komoditi koko melalui pembangunan bahan tanaman dan penggunaan klon-klon koko berhasil tinggi serta tahan perosak dan penyakit, peningkatan produktiviti melalui pembangunan teknologi pengeluaran koko, pengurusan penyakit dan perosak serta penggunaan bioteknologi dalam meningkatkan pengeluaran bahan tanaman koko berkualiti.

Sekian, terima kasih.